



مجلس بندري قناليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7956 3544 Faks: 03-7958 1494

Hotline MBPJ: 03-7954 2020 E-mel: aduan@mbpj.gov.my Laman web: www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL Ruj. Kami : MBPJ/090100/T/A6/JLD 16 ()
Tarikh : 5 JUN 2020

PASAR BESAR JALAN OTHMAN DIBUKA SEMULA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada hari ini mengumumkan Pasar Besar Jalan Othman akan dibuka semula pada 6 Jun 2020 (Sabtu) bagi membolehkan aktiviti perniagaan berlangsung kembali. Pasar berkenaan telah diarahkan tutup sejak 10 Mei 2020 ekoran terdapat kes positif penularan wabak Covid-19 di kawasan terbabit.

Sehubungan itu, setiap peniaga perlu mematuhi arahan baru yang dikeluarkan oleh Majlis serta syarat-syarat yang telah diperketatkan selari dengan pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) serta Norma Baharu Pasca Covid-19. Para peniaga serta pengunjung pasar berkenaan juga diminta mematuhi Prosedur Pengendalian Standard (SOP) dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Pada masa yang sama, Majlis juga ingin menekankan bahawa peniaga pasar besar berkenaan **dilarang** untuk melantik pembantu daripada kalangan warga asing serta sentiasa menjaga kebersihan premis masing-masing. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan boleh menyebabkan lesen perniagaan akan ditarik dan tidak dibenarkan untuk berniaga dikawasan berkenaan.

Selain itu, pengunjung pasar besar berkenaan diwajibkan memakai *face mask*, menggunakan *hand sanitizer*, menjaga penjarakkan sosial, dan menggunakan imbasan QR Code sistem Selangkah sebelum masuk ke premis.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi **Jabatan Pelesenan, Tingkat 6, Menara MBPJ di talian 03-7960 9026 / 03-7954 1560 / 03-7960 4667**. Dapatkan info terkini berkaitan perkhidmatan dan program Majlis dengan melayari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau laman sosial (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter & Instagram: @pjcitycouncil).

Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203 / 208, Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.